UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1995/96

Mei/Jun 1996

**JMG312 - KARTOGRAFI**

Masa: [ 2 jam ]

---

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

2. Jawab **TIGA** soalan: jawab soalan 1 (**WAJIB**) di Bahagian A dan **DUA** soalan yang lain di Bahagian B.

3. Calon dibenarkan mengguna alat pengira elektronik yang tidak berprogram.

...2/-

**BAHAGIAN A (50 markah)**

Jawab soalan 1.

1. Anda diberikan data seperti di bawah:

**Kemasukan Murid-murid Tahun 1 Sekolah Rendah : 1994.**

| Negeri | Jumlah Pelajar |
|---|---|
| Perlis | 1,580 |
| Pulau Pinang | 4,017 |
| Kedah | 7,338 |
| Perak | 13,732 |
| Selangor | 1,720 |
| N. Sembilan | 10,450 |
| Melaka | 6,581 |
| Johor | 2,898 |
| Pahang | 22,026 |
| Terengganu | 19,494 |
| Kelantan | 35,423 |
| Jumlah | 125,255 |

(a) Apakah jenis peta yang sesuai digunakan untuk menggambarkan data di dalam jadual di atas? Apakah kelemahan dan kelebihan yang anda dapati daripada kaedah yang digunakan?

(15 markah)

(b) Bangunkan satu peta yang dapat menggambarkan data tersebut dengan menggunakan peta asas yang dilampirkan. Tunjukkan bagaimana anda memproses data tersebut.

(15 markah)

(c) Jelaskan kelebihan perisian AUTOCAD sekiranya anda dikehendaki menyediakan peta tersebut.

(10 markah)

(d) Huraikan langkah-langkah penggunaan perisian AUTOCAD bagi membangunkan peta berkenaan.

(10 markah)

...3/-



**BAHAGIAN B (50 markah)**

Jawab **DUA** soalan.

2. Huraikan peranan kartografi sebagai asas pemikiran geografi dan satu sistem komunikasi.

(25 markah)

3. Jelaskan kelebihan dan kelemahan kartografi bantuan komputer.

(25 markah)

4. Apakah aspek-aspek yang perlu diambil kira dalam menghasilkan sebuah peta yang bermutu?

(25 markah)

5. Huraikan perbezaan skema konseptual, skema luar dan skema dalaman semasa pengurusan pangkalan data.

(25 markah)

ooOoo